

27 NOV 1999

DR MAHATHIR TIBA DI PERLIS UNTUK BERSAMA RAKYAT

KANGAR, 27 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini berada di Kangar untuk menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di padang Majlis Perbandaran Kangar.

Perdana Menteri, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin.

Dr Mahathir dijangka memberi amanat penting kepada penduduk Perlis menjelang pilihan raya umum ke-10 dua hari lagi.

Selepas di Kangar, Perdana Menteri akan ke Alor Setar melalui jalan Kodiang.

Malam ini, Perdana Menteri akan bersama rakyat di pekan Naka, Kedah.

-- BERNAMA

ad mai